

900/2

STPM 2020

**PENTAKSIRAN PUSAT SEMESTER 2
STPM TAHUN 2020**

**PENGAJIAN AM
SEMESTER 2**

SKEMA PEMARKAHAN DAN SKEMA JAWAPAN

SKEMA PEMARKAHAN : BAHAGIAN A

Soalan Struktur : Markah penuh : 15 markah

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Calon dikehendaki menjawab semua soalan. Markah bagi setiap soalan antara 3 hingga 4 markah.

Kriteria	Markah	Catatan
Isi betul	1	Soalan berbentuk Kemahiran Berfikir Aras Rendah (LOTS)
Isi betul	1	Soalan berbentuk Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (HOTS)
Huraian betul	+	
	1	

Nota:

1. Jika calon memberi dua jawapan dalam setiap jawapan (seperti adanya kata hubung 'dan' atau perkataan lain yang membawa erti adanya dua jawapan), maka jawapan calon yang pertama sahaja yang akan diperiksa dan diberi markah jika betul
2. Jika soalan menentukan bilangan jawapan, tetapi calon menambah bilangan jawapan, maka jawapan yang selebihnya itu tidak akan diperiksa.
3. Terminologi seperti nama organisasi, jika ditulis dalam bentuk singkatan boleh diterima sebagai jawapan. Contoh, ASEAN, APEC dan sebagainya.
4. Terminologi yang telah diterima pakai umum seperti K-ekonomi atau e-dagang, tidak perlu diberikan maksudnya dalam jawapan calon.

SKEMA JAWAPAN : Bahagian A [15 markah]Jawab **semua** soalan

- 1 Nyatakan **empat** kepentingan perkembangan ekonomi kepada negara. [4]

Skema Jawapan	
Bil	Isi/Idea
1	Peningkatan pendapatan negara
2	Peningkatan pembangunan fizikal negara
3	Peningkatan peluang dan bilangan pekerjaan
4	Pengurangan kadar kemiskinan
5	Peningkatan pelaburan asing
6	Peningkatan kemudahan infrastruktur awam

Mana-mana 4 idea/isi

2. Terangkan **dua** cabaran yang dihadapi oleh rakyat untuk menghayati prinsip Rukun Negara yang keempat. [4]

Skema Jawapan		
Bil	Isi / Idea	Huraian
1.	Pengaruh media sosial	<ul style="list-style-type: none"> • Penyebaran/penularan berita palsu/fitnah.
2.	Budaya materialistik	<ul style="list-style-type: none"> • Masyarakat mengejar kekayaan tanpa mengikut undang-undang
3.	Penyalahgunaan hak kebebasan bersuara	<ul style="list-style-type: none"> • Menimbulkan isu sensitif apabila disalah tafsir.
4.	Kurangnya penghayatan sejarah negara	<ul style="list-style-type: none"> • Pelajar hanya menghafal tanpa mendalami/memahami/menghayati sejarah negara.

Idea/isi - 1 markah , Huraian - 1 markah

3. Huraikan **dua** kesan krisis bekalan air bersih kepada pengguna. [4]

Skema Jawapan		
Bil	Isi / Idea	Huraian
1.	Mengganggu urusan harian.	<ul style="list-style-type: none"> • Menyusahkan penduduk untuk menggunakan air bagi memenuhi keperluan mereka.
2.	Menjejaskan kesihatan pengguna.	<ul style="list-style-type: none"> • Kekurangan bekalan air bersih untuk diminum menyebabkan masalah kekurangan air di dalam badan/menyebabkan penyakit.
3.	Menjejaskan ekonomi pengguna.	<ul style="list-style-type: none"> • Sektor perindustrian akan tergendala/ menjejaskan perniagaan pengusaha penyediaan makanan.

Idea/isi - 1 markah , Huraian - 1 markah

4. Nyatakan **tiga** dasar yang berkaitan dengan setiap objektif berikut : [3]

Skema Jawapan		
Bil	Objektif	Dasar
1	Memastikan keperluan asas individu, keluarga dan masyarakat dipenuhi.	Dasar Sosial Negara
2	Mengukuhkan perpaduan bangsa dan negara melalui kebudayaan	Dasar Kebudayaan Kebangsaan
3	Membentuk masyarakat yang sihat, berdisiplin dan bersatu padu	Dasar Sukan Negara

***Nota : Dasar mesti lengkap seperti skema.**

SKEMA PEMARKAHAN : BAHAGIAN B**Soalan Alih Bentuk Komunikasi(Bentuk Linear kepada Bentuk Bukan Linear)**Markah penuh : **20 markah**

Bahagian ini mengandungi dua soalan. Calon dikehendaki menjawab satu soalan sahaja. Markah bagi satu soalan ialah 20 markah

A. Tujuan Ujian

Untuk menguji kebolehan calon mengalih bentuk komunikasi daripada bentuk linear kepada bentuk bukan linear

- | | | |
|--------------------|---|------------|
| Kemahiran terlibat | - | kefahaman |
| | - | penggunaan |
| | - | analisis |
| | - | Sintesis |

B Ciri jawapan

1. Pengkelasan angkubah/pembolehubah (PA)
2. Kesesuaian teknik (KT)
3. Ketepatan isi (KI)
4. Kejelasan (KJ)

C Pemarkahan

1. Tiap-tiap ciri jawapan yang lengkap diberi 5 markah
2. Perincian markah:

Pengkelasan angkubah	:	6 markah
Kesesuaian teknik	:	6 markah
Ketepatan isi	:	6 markah
Kekemasan	:	<u>2 markah</u>
		<u>20 markah</u>

D Cara pemberian markah Bahagian B

Bil	Ciri jawapan	Kriteria	Taraf	Markah
1	Pengkelasan pemboleh ubah (PA) i)Paksi ii)Maklumat pemboleh ubah - peratusan,klasifikasi sektor, nilai - bidang/sektor, kedudukan,peratusan yang diperlukan untuk carta/graf	Lengkap	Baik	5 – 6
		Kurang lengkap	Sederhana	3 – 4
		Tidak lengkap	Lemah	1 – 2
2	Kesesuaian teknik (KT) i)Pemilihan media ii)Kedudukan media pada muka surat iii)Letakan/susun atur iv)Kedudukan petunjuk(di bawah,di kiri) v)Kedudukan tajuk(di atas,di tengah dan huruf besar) vi)Sumber(di bawah, di sebelah kanan) vii)Pembezaan sektor	Sesuai	Baik	5 – 6
		Kurang sesuai	Sederhana	3 – 4
		Tidak sesuai	Lemah	1 – 2
3	Ketepatan isi (KI) i)Keterangan maklumat ii)Label-peratusan,tahun iii)Perangkaan(data) iv)Skala/nisbah v)Petunjuk vi)Tajuk vii)Titik asas(0) viii)Sumber	Tepat dan cukup	Baik	5 – 6
		Kurang tepat tetapi cukup	Sederhana	3 – 4
		Kurang tepat, tidak cukup	Lemah	1 – 2
4	Kekemasan (KM)	Media kemas	Baik	2
		Media kurang kemas	Lemah	1

E Perincian Pemarkahan Bahagian B

A. MEDIA		PA	KT	KI	KM	JUMLAH
A1	Media tepat:	6	6	6	6	20/20
A2	Salah media (rujuk jadual)	-	-	-	-	1/20
A3	Tahun dijadikan petunjuk	-	-	-	-	1/20
B. MAKLUMAT SALAH						
B1	Tiada tajuk/ salah tajuk/ tiada tahun pada tajuk/tiada tempat	3	3	3	2	11/20
B2	Tiada petunjuk/ petunjuk pada muka surat lain	3	3	3	2	11/20
B3	Tiada peratus/ nilai atau unit pada paksi / jumlah besar/tiada label*	3	3	3	2	11/20
B4	Salah peratus/ nilai atau unit pada paksi / jumlah besar/label/label tidak lengkap*	4	4	4	2	14/20
C1	Sumber tidak lengkap	6	6	5	2	19/20
C2	Tiada sumber	6	6	4	2	18/20
C3	Tiada / salah nisbah jejari	6	6	5	2	19/20
D1	Perbezaan sektor: Jika menggunakan warna sepenuhnya	6	6	6	2	20/20
D2	Jika berlorek penuh	6	4	6	1	17/20
D3	Jika menggunakan gabungan warna dan lorekan	6	3	6	1	16/20
D4	Jika menggunakan abjad atau angka	6	1	6	1	14/20
Pemarkahan untuk Jadual		Tajuk	Butiran	Sumber	Jumlah	
E1	Jadual lengkap	2	2	1	05/20	
E2	Jadual tanpa tajuk/unit/data/label	0	0	0	0/20	
E3	Tajuk/unit/data/label yang tidak lengkap	1	1	1	03/20	
E4	Ada tajuk, tapi salah	1	2	1	04/20	
E5	Semua lengkap tapi tiada sumber	1	1	0	02/20	

Tajuk tidak **menghidupkan** label yang tiada atau salah.

PERINGATAN:

Calon dikehendaki menjawab **satu** daripada dua soalan dalam Bahagian B. Sekiranya calon menjawab kedua-dua soalan, hanya soalan yang mula-mula dijawab oleh calon sahaja yang perlu disemak oleh pemeriksa.

5. Berdasarkan maklumat yang diberi dalam petikan di bawah, sediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan bilangan pengusaha produk industri asas tani mengikut kategori produk dan aliran jumlah jualan produk industri asas tani di Malaysia dari tahun 2014 hingga tahun 2017.

Wawasan negara untuk mencapai negara maju pada tahun 2020 berasaskan perindustrian tidak bermakna sektor pertanian diabaikan. Pertanian adalah perniagaan. Pertambahan bilangan pengusaha dalam produk industri asas membuktikan perkembangan sektor pertanian di negara ini.

Pengusaha produk ini terbahagi kepada dua iaitu pengusaha makanan tradisi dan pengusaha makanan sejuk beku. Pada tahun 2014, bilangan pengusaha makanan tradisi seperti baulu, dodol dan wajik seramai 1724 orang bertambah menjadi 3147 orang pada tahun berikutnya. Pertambahan penduduk menjadikan bilangan pengusaha makanan tradisi bertambah setiap tahun. Pada tahun 2016, bilangan pengusaha makanan tradisi adalah sebanyak 3000 orang dan bertambah sebanyak 100 orang pada tahun 2017.

Bilangan pengusaha makanan sejuk beku seperti karipap, samosa dan pau pada tahun 2014 seramai 1445 orang. Bilangan pengusaha makanan sejuk beku paling ramai pada tahun 2017 iaitu seramai 1700 orang bertambah sebanyak 66 orang dari tahun sebelumnya. Manakala pada tahun 2015 seramai 1638 orang pengusaha makanan sejuk beku. Pertambahan berlaku setiap tahun kerana permintaan yang semakin bertambah kesan perubahan citarasa anggota masyarakat pada masa kini.

Jualan produk industri asas tani menunjukkan peningkatan berterusan dalam tempoh 2014 hingga tahun 2017. Pada tahun 2017, nilai jualan produk industri asas tani paling tinggi iaitu RM950.50 juta manakala nilai jualan paling rendah adalah pada tahun 2014 iaitu sebanyak RM713.93 juta. Nilai jualan produk industri asas tani pada tahun 2015 adalah berjumlah RM912.50 meningkat sebanyak RM23.09 juta pada tahun 2016. Jualan yang meningkat ini menambah pendapatan pengusaha dan turut menambah pendapatan negara.

Kerajaan amat menekankan perkembangan sektor pertanian dalam pembangunan negara kerana sektor pertanian merupakan sumber makanan dan juga bahan mentah bagi sektor industri. Sektor pertanian menyediakan peluang pekerjaan yang banyak pada negera.

(Disesuaikan daripada Perangkaan Agromakanan 2018,
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia)

SKEMA JAWAPAN : BAHAGIAN B**Soalan 5**Skema Jawapan : Graf Gabungan(bar kompaun/1 garis)

**MALAYSIA : BILANGAN PENGUSAHA PRODUK INDUSTRI ASAS TANI
MENGIKUT KATEGORI PRODUK DAN ALIRAN JUMLAH JUALAN
PRODUK INDUSTRI ASAS TANI DARI TAHUN 2010 HINGGA TAHUN 2014**


Tahun	Bilangan pengusaha produk industri asas tani (orang)		Jumlah jualan produk Industri Asas Tani (RM juta)
	Makanan tradisi	Makanan Sejuk beku	
2014	1724	1445	713.93
2015	3147	1638	912.50
2016	3000	1634	935.59
2017	3100	1700	950.50

Sumber: Disesuaikan daripada Perangkaan Agromakanan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, 2018

**MALAYSIA : BILANGAN PENGUSAHA PRODUK INDUSTRI ASAS TANI MENGIKUT
KATEGORI PRODUK DAN ALIRAN JUMLAH JUALAN PRODUK INDUSTRI ASAS TANI
DARI TAHUN 2010 HINGGA TAHUN 2014**

Bilangan pengusaha produk industri asas tani (orang)

Jumlah jualan produk industri asas tani (RMjuta)



Sumber: Disesuaikan daripada Perangkaan Agromakanan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, 2018

Nota Tambahan Untuk Soalan 5

1. Jika paksi dilukis terbalik/tertukar - 01/20
2. Jika salah satu graf salah atau tidak siap – 10/20(PA=3,KT=3,KI=3, KM=1)
3. Jika dilukis bar komponen dan garis – 10/20(PA=3,KT=3,KI=3, KM=1)
4. Jika tiada /salah petunjuk untuk graf garis – 10/20(PA=3,KT=3,KI=3, KM=1)

6. Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah ini, sediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan bilangan kapal yang tiba dan kapal yang belayar di pelabuhan terpilih Malaysia dari tahun 2013 hingga tahun 2015

Perkembangan ekonomi negara dapat dinilai dari segi banyaknya eksport dan import. Pelabuhan penting untuk perdagangan antarabangsa. Beberapa pelabuhan di Malaysia menunjukkan peningkatan kapal yang tiba dan juga kapal yang belayar. Namun, terdapat juga yang menunjukkan penurunan.

Antara pelabuhan yang menunjukkan kedatangan kapal yang banyak ialah Pelabuhan Tanjung Pelepas di Johor. Pada tahun 2013, bilangan kapal yang tiba sebanyak 3330 buah, menurun kepada 3220 buah pada tahun berikutnya. Manakala pada tahun 2015 menurun lagi sebanyak 423 buah. Penurunan ini berlaku kemungkinan kesan penambakan laut negara jiran yang menyebabkan masalah pada kapal-kapal yang bersaiz besar. Ketibaan kapal yang semakin menurun turut menjejaskan kapal yang belayar dalam tempoh berkenaan. Pada tahun 2013, kapal yang belayar sebanyak 3320 buah menurun kepada 3213 buah pada tahun 2014 dan pada tahun 2015 berkurang lagi sebanyak 431 buah.

Pelabuhan Kuching mengalami peningkatan kapal yang berlabuh dalam tempoh 2013 hingga 2015. Bilangan kapal yang tiba di pelabuhan ini paling banyak pada tahun 2015, iaitu 1512 buah meningkat sebanyak 89 buah dari tahun sebelumnya, manakala pada tahun 2013 sebanyak 1354 buah. Kapal yang belayar dari Pelabuhan Kuching dalam tempoh berkenaan juga mengalami peningkatan. Hal ini berlaku kesan pembangunan yang semakin rancak di negeri Sarawak. Pada tahun 2013 bilangan kapal yang belayar sebanyak 988 buah meningkat menjadi 1001 buah pada tahun 2014. Manakala pada tahun berikutnya bilangan kapal yang belayar terus meningkat sebanyak 443 buah.

Perkembangan ekonomi di negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung, memberi kesan kepada Pelabuhan Kuantan. Dalam tempoh 2013 hingga 2015, bilangan kapal yang tiba dan kapal yang belayar di pelabuhan ini semakin meningkat. Ketibaan kapal pada tahun 2013 sebanyak 1860 buah. Pada tahun yang sama, bilangan kapal yang belayar adalah menyamai dengan kapal yang tiba di pelabuhan ini. Pada tahun 2014, kapal yang tiba adalah sebanyak 1980 buah, meningkat kepada 1988 buah pada tahun 2015. Kapal yang belayar pada tahun 2014 adalah sebanyak 1980 buah, meningkat sebanyak 8 buah pada tahun 2015.

(Dipetik dan diubahsuai daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, 2016)


Soalan 6

Skema Jawapan : Graf Bar Piramid Kompaun

MALAYSIA : BILANGAN KAPAL YANG TIBA DAN KAPAL YANG BELAYAR DI PELABUHAN TERPILIH DARI TAHUN 2013 HINGGA TAHUN 2015

Tahun Pelabuhan Terpilih	Bilangan kapal yang tiba dan kapal yang belayar (buah)					
	Kapal yang tiba			Kapal yang belayar		
	2013	2014	2015	2013	2014	2015
Tanjung Pelepas	3,330	3,220	2,797	3,320	3,213	2,782
Kuching	1,354	1,423	1,512	988	1,001	1,444
Kuantan	1,860	1,980	1,988	1,860	1,980	1,988

(Dipetik dan diubahsuai daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, 2016)



(Sumber : Dipetik dan diubahsuai daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, 2016)

Nota Tambahan Untuk Soalan 6

1. Tiada perbandingan (siap sebelah sahaja) - 01/20
2. Siap lengkap 1 tahun sahaja - 04/20
3. Siap lengkap 2 tahun sahaja - 04/20
4. Skala kiri dan kanan tidak sama - 04/20
5. Jika calon buat graf bar piramid komponen - 16/20 (PA=6, KT=3, KI=6, KM=1)
6. Label paksi nilai mesti ditulis kedua-dua. Tulis label ditengah-tengah boleh diterima tapi tolak KT

SKEMA PEMARKAHAN : BAHAGIAN C

Soalan Karangan : Markah penuh : 25 markah

Bahagian ini mengandungi **dua** soalan. Calon dikehendaki menjawab **satu** soalan. Markah bagi **satu** soalan ialah **25 markah**.

A Pemberian markah karangan akan berasaskan kepada perkara-perkara berikut:

1.	Isi atau Idea (I)	[5x2]	:	[10] markah
2.	Hujah (H)	[5x2]	:	[10] markah
3.	Kemahiran Kebahasaan (B)		:	[4] markah
4.	Format (F)*		:	<u>[1] markah</u>
				<u>25 markah</u>

Catatan :

(i) Pembahagian markah untuk Isi atau Idea (I) :

Baik	:	4 – 5 markah
Sederhana	:	3 markah
Lemah	:	1 – 2 markah

(ii) Pembahagian markah untuk Huraian atau Hujah (H) :

Baik	:	12 – 15 markah
Sederhana	:	7 – 11 markah
Lemah	:	1 – 6 markah

(iii) Pembahagian markah untuk Kebahasaan (B) :

Baik	:	4 markah
Sederhana	:	2 – 3 markah
Lemah	:	1 markah

(iv) Pembahagian markah untuk Format (F) :

Memenuhi format penulisan (Pengenalan, Isi, dan Penutup)	:	1 markah
Tidak memenuhi format penulisan	:	0 markah

B Cara pemberian markah

1 Pemarkahan Bahasa [4]

- 1.1 Bagi 8 kesalahan ejaan atau tanda baca, potong 1 markah. Bagi 4 kesalahan struktur ayat, potong 1 markah dengan mengambil ingatan apa-apa kesalahan yang terdapat di dalamnya tidak diambilkira

- 1.2 Kesalahan yang sama dan diulang tidak dipotong markah, demikian juga ejaan yang sejenis.

Contoh ejaan yang sejenis :

Batuk,patuk - ini dikira sejenis
Suluh,buluh - ini dikira sejenis

- 1.3 1 markah minimum diberi untuk markah bahasa dan juga baji jawapan yang terdiri daripada satu ayat bagi setiap perenggan.

- 1.4 Keganjangan karangan

1.4.1 Karangan hendaklah tidak melebihi **400** patah perkataan. Karangan yang selebihnya tidak perlu diperiksa.


1.4.2 Markah maksimum untuk bahasa berdasarkan kepada keganjangan karangan adalah seperti berikut:


Lebih daripada 250 patah perkataan	:	4 markah
151 hingga 250 patah perkataan	:	3 markah
101 hingga 150 patah perkataan	:	2 markah
Kurang daripada 100 patah perkataan	:	1 markah

- 1.5 Mencatat kesalahan bahasa dan markah.

1.5.1 Catat kesalahan bahasa di ruang kiri skrip jawapan. Setiap satu kesalahan dicatat dengan angka 1

1.5.2 Kesalahan struktur ayat ditandai dengan cara: () – tandakan S di ruang kiri skrip

1.5.2 Kesalahan bahasa kali pertama bagi tatabahasa, ejaan, tanda baca ditandai dengan cara 

Kesalahan yang sama tidak dikira dan ditandai dengan cara 

1.5.3 Tidak relevan (TR), tidak jelas (TJ)

- 2 Karangan yang tidak langsung membincangkan tajuk beri markah 1 (1/25)

- 3 Perhatikan bahawa markah tidak diberi untuk butiran yang diulang-ulang.

- 4 Ada kalanya, anda akan bertemu dengan karangan yang daripada awal lagi sudah menyeleweng tetapi kemudian pada bahagian akhirnya barulah terdapat butir-butir yang jitu. Oleh sebab itu, anda hendaklah membaca seluruh karangan itu walaupun separuh daripadanya menyeleweng, supaya kita dapat berlaku adil terhadap calon. Anda juga akan bertemu dengan karangan yang pada mulanya menjawab dengan jitu tetapi kemudiannya menyeleweng daripada tajuk. Dalam hal ini, berilah markah kepada yang jitu sahaja.

- 5 Calon layak diberi markah format (1 markah) jika jawapannya sempurna dari segi format penulisan karangan iaitu ada bahagian pengenalan, isi dan penutup.

- 6 Mencatat pemberian markah karangan

6.1 Catat markah pada ruang kanan skrip (sebelah atas). Jumlah markah akhir setiap jawapan perlu diletakkan dalam bulatan.

6.2 Tandakan I – Idea, H – Huraian, B – Bahasa, F – Format

6.3 Tuliskan perkataan “Menyeleweng” di bahagian akhir karangan sekiranya karangan itu menyeleweng.

PERINGATAN :

Calon dikehendaki menjawab **satu** daripada dua soalan dalam **Bahagian C**. Sekiranya calon menjawab kedua-dua soalan, hanya soalan yang mula-mula dijawab oleh calon sahaja yang perlu disemak oleh pemeriksa.

SKEMA JAWAPAN : BAHAGIAN C**Soalan 7**

Sejak kebelakangan ini, peningkatan harga barangan keperluan asasi telah menimbulkan pelbagai kesan negatif kepada rakyat. Oleh itu, kerajaan perlu mengambil beberapa langkah untuk mengatasinya.

Bincangkan.

[25]

Pendahuluan:

Sejak kebelakangan ini, rakyat Malaysia telah melahirkan rasa tidak puas hati mereka terhadap peningkatan harga barangan keperluan asasi. Kenaikan harga barangan keperluan asasi telah menimbulkan pelbagai kesan negatif kepada majoriti rakyat Malaysia. Oleh itu, kerajaan perlu mencari jalan untuk mengatasi masalah ini sebelum menjadi semakin parah.

Bil	Idea/isi	Huraian
A. Kesan negatif kenaikan harga barangan keperluan asasi		
1	Perbelanjaan isi rumah/rakyat/masyarakat semakin meningkat	<ul style="list-style-type: none"> • Kenaikan harga barangan keperluan asasi menyebabkan perbelanjaan harian isi rumah/rakyat semakin meningkat. • Kenaikan harga barangan keperluan asasi tidak selari dengan kenaikan gaji • Kenaikan harga barangan keperluan asasi menambah beban rakyat
2	Kes jenayah semakin meningkat	<ul style="list-style-type: none"> • Harga barang yang semakin meningkat menyebabkan kuasa beli pengguna merosot dan taraf hidup semakin rendah • Pendapatan yang diperoleh tidak mencukupi untuk menampung kehidupan • Kegiatan jenayah dilakukan untuk menampung keperluan hidup
3	Hutang isi rumah semakin meningkat	<ul style="list-style-type: none"> • Pengguna/isi rumah terpaksa berhutang untuk menampung perbelanjaan harian yang semakin bertambah • Perbelanjaan keperluan harian semakin bertambah menyebabkan pengguna/isi rumah terpaksa menggunakan kad kredit. • Hutang isi rumah semakin meningkat apabila tidak mampu membayar hutang kad kredit
4	Aktiviti menyorok barangan keperluan semakin berleluasa	<ul style="list-style-type: none"> • Peniaga yang tidak bertanggung jawab dan tamak akan menyorok barangan keperluan untuk mendapatkan keuntungan yang lebih. • Pengguna sukar memperolehi barangan keperluan terutamanya musim perayaan • Menimbulkan rasa marah pengguna kepada peniaga.
B. Langkah yang perlu diambil oleh kerajaan untuk mengatasi kenaikan harga barangan keperluan asasi		
6	Memperkasakan penguatkuasaan undang-undang	<ul style="list-style-type: none"> • Menambah bilangan pegawai penguatkuasa untuk membuat pemantauan • Meningkatkan kekerapan pemantauan secara berterusan • Tindakan yang lebih tegas/keras ke atas peniaga yang tamak
7	Menambah/meningkatkan subsidi ke atas barangan keperluan asasi	<ul style="list-style-type: none"> • Subsidi yang ditambah ke atas barangan keperluan asasi akan mengurangkan kos pengeluaran. • Kos pengeluaran barangan yang semakin rendah menyebabkan harga barangan menjadi rendah
8	Meningkatkan kesedaran kepenggunaan kepada isi rumah/rakyat/penduduk/masyarakat	<ul style="list-style-type: none"> • Melalui pendidikan kepenggunaan di sekolah • Melalui kempen, seminar, pameran dan ceramah tentang kepentingan amalan berjimat cermat dan perbelanjaan berhemah. • Rakyat perlu sedar harga barangan meningkat disebabkan permintaan yang tinggi dari pengguna • Rakyat perlu disedarkan agar tidak berbelanja melebihi keperluan
9	Menetapkan harga kawalan bagi barangan keperluan	<ul style="list-style-type: none"> • Harga barangan keperluan asasi tidak akan meningkat lebih tinggi apabila kerajaan menetapkan harga kawalan • Peniaga yang tamak tidak dapat mengambil kesempatan apabila harga barangan keperluan asasi dikawal oleh kerajaan • Harga barangan menjadi lebih stabil.

Kesimpulan:

Kenaikan harga barangan keperluan asasi perlu dibendung dengan sebaik-baiknya agar tidak membebankan rakyat terutamanya golongan yang berpendapatan rendah.

Jawapan / skema: 2 + 3 atau 3 + 2

Soalan 8

Penciptaan pelbagai gajet memudahkan kehidupan manusia namun begitu, jika kemudahan ini disalahgunakan boleh mendatangkan kemudaratan. Jelaskan [25]

Pengenalan

Penghasilan pelbagai gajet telah merubah sebahagian besar aktiviti manusia. Gajet seperti komputer riba, telefon bimbit, telefon pintar, ipad, iphone, ipods dan tablet telah memudahkan lagi kehidupan seharian manusia. Namun, jika kemudahan ini disalahgunakan akan mendatangkan kemudaratan.

Bil	Idea/isi	Huraian
A. Manfaat gajet kepada kehidupan manusia.		
1	Mudah mengakses/ mendapat maklumat	<ul style="list-style-type: none"> Maklumat lebih mudah diteroka dengan menggunakan gajet melalui capaian jalur lebar tanpa batasan waktu. Pengguna juga boleh menggunakan internet melalui gajet untuk mengakses maklumat dengan cepat dan pantas. Maklumat terkini dapat disebarkan secara menyeluruh kepada setiap lapisan masyarakat.
2	Memudahkan perhubungan/komunikasi	<ul style="list-style-type: none"> Jurang komunikasi antara penduduk luar bandar dan bandar telah dapat dikurangkan. Syarikat-syarikat komunikasi telah menyediakan capaian tanpa wayar di kawasan luar bandar untuk memudahkan komunikasi.
3	Memudahkan kegiatan harian	<ul style="list-style-type: none"> Segala urusan boleh dilakukan secara atas talian. Sebagai contohnya pembayaran bil, cukai, dan pembelian barang. Masa dan tenaga dapat dijitamkan.
4	Menjana pendapatan	<ul style="list-style-type: none"> Melalui perniagaan atas talian Menjimatkan masa dan mengurangkan kos operasi peniaga Perniagaan dan perkhidmatan boleh dilakukan secara sambilan, dapat hasilkan pendapatan tambahan
B. Kemudaratan apabila gajet disalahgunakan		
6	Penyebaran fitnah/berita palsu	<ul style="list-style-type: none"> Pengguna mengakses internet di lokasi yang lebih luas dan menggalakkan lagi penyebaran fitnah/berita palsu. Memudahkan maklumat yang berbentuk fitnah/berita palsu disebarkan kepada orang ramai
7	Mudah berlaku penipuan	<ul style="list-style-type: none"> Kebanyakan pengguna mudah tertipu dengan maklumat palsu yang disebarkan melalui melalui gajet. Pengguna selalu mendapat maklumat palsu yang menyebabkan kerugian. Interaksi berlaku secara maya/tidak bersemuka, mudah untuk menipu
8	Kurangnya interaksi sosial	<ul style="list-style-type: none"> Pengguna yang taksud dengan gajet menghabiskan banyak masa sendirian. Kesannya hubungan antara ahli keluarga, kawan dan jiran terabai
9	Gangguan kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan gajet teralu lama akan menjejaskan kesihatan. Kesihatan terjejas kerana pengguna tidak beriadah. Mata akan rosak, sakit tengkuk, sakit kepala dan lemah.
10	Menjejaskan tumpuan/fokus terhadap sesuatu perkara	<ul style="list-style-type: none"> Pelajar hilang fokus kepada pelajaran Pekerja hilang tumpuan terhadap pekerjaannya

Kesimpulan:

Pengguna gajet perlu menggunakan alatan ini dengan bijak supaya dapat menjamin kesejahteraan masyarakat dan negara.

Jawapan: Mana-mana 3+2 @ 2+3 Isi/Idea

***** SKEMA TAMAT*****